



Ibu Pejabat
Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

20 Mac, 1987.

PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.6 TAHUN 1987 **Sijil Perkhidmatan**

1. Tujuan

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk mengeluarkan satu Sijil Perkhidmatan kepada pegawai-pegawai Jabatan ini yang telah meninggalkan perkhidmatan mereka. Sijil ini ialah untuk menghargai perkhidmatan baik yang telah disumbangkan kepada Kerajaan, khasnya Jabatan Ukur dan Pemetaan.

2. Latarbelakang

Arahan Perkhidmatan BAB DUA - 14 (a) dan 14 (b) menghendaki Ketua-ketua Jabatan menyediakan dan menandatangani Sijil-Sijil Perkhidmatan di atas borang-borang yang sudah sedia tercetak bagi pegawai-pegawai di bawah jagaannya yang akan meninggalkan perkhidmatan atas sebab-sebab persaraan, berhenti atau penamatan kerja dengan rekod-rekod yang baik.

3. Panduan Untuk Menyediakan Sijil Perkhidmatan

- 3.1 Ibu Pejabat ini telahpun mencetak Sijil-Sijil tersebut, mengikut bentuk dikehendaki oleh Arahan perkhidmatan BAB DUA itu. Stok pengeluarannya adalah terkawal dan ianya hanya didapati di Ibu Pejabat ini.
- 3.2 Pengarah Ukur hendaklah mengemukakan maklumat mengenai seseorang pegawai yang meninggalkan perkhidmatannya dengan rekod-rekod yang baik dan kemukakan ke Ibu Pejabat ini dalam tempoh 2 bulan sebelum tarikh persaraan pegawai tersebut, untuk tindakan selanjutnya. Maklumat-maklumat yang dikehendaki adalah seperti salinan sijil yang dikembalikan.
- 3.3 Kenyataan ringkas tentang kelakuan dan mutu pekerjaan semasa dalam

perkhidmatan hendaklah dibuat berdasarkan laporan sulit tahunan pegawai yang berkenaan.

4. Pihak Ibu Pejabat akan mengatur Majlis untuk menyampaikan Sijil Perkhidmatan ini kepada mereka.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP.)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Edaran Kepada:

Semua Pengarah Ukur

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.

Pengarah Ukur Pemetaan.

Pengarah Ukur Kadastra.

Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan.

Timbalan Pengarah Ukur Kadastra.

Timbalan Pengarah Ukur (Unit Khas).